

## Penjawat awam berniaga, perlu patuh peraturan - Cuepacs

BERNAMA



Kuala Lumpur: Penjawat awam yang ingin menjalankan perniagaan atau pekerjaan tambahan dinasihat sentiasa mematuhi peraturan ditetapkan kerajaan.

Presiden Cuepacs Datuk Adnan Mat berkata, perkara itu perlu dimaklumkan melalui permohonan secara bertulis kepada ketua jabatan selain memastikan kerja hakiki tidak terjejas dan terganggu berikutan pembabitan dalam perniagaan atau pekerjaan kedua.

"Keutamaan haruslah diberi kepada perkhidmatan masing-masing agar tiada perkara berbangkit berlaku. Cuepacs juga berharap ketua jabatan sentiasa mengingatkan mengenai perkara ini kepada kakitangan masing-masing," katanya dalam kenyataan hari ini. Beliau mengulas mengenai kes seorang penjawat awam yang didenda RM8,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam selepas mengaku bersalah terbabat dalam perniagaan membekalkan sarung kaki bernilai RM44,500 tanpa kebenaran.

Adnan juga menasihati sekiranya berlaku permasalahan, ketua jabatan haruslah bertindak mengikut pertimbangan yang baik dan adil kerana setiap masalah yang berlaku boleh diselesaikan di peringkat jabatan tanpa perlu dipanjangkan ke peringkat lebih tinggi.

Sementara itu, beliau mencadangkan kerajaan menyemak semula skim gaji yang diterima pekerja di sektor awam dan swasta berikutan pekerja melakukan pelbagai pekerjaan lain untuk meningkatkan taraf hidup disebabkan skim gaji yang rendah.

"Ketika ini situasi seorang pekerja yang terpaksa melakukan lebih daripada dua pekerjaan untuk menampung kehidupan keluarga sudah menjadi norma biasa. Di sektor awam permulaan gaji adalah RM1,200 sebulan manakala gaji minimum di sektor swasta juga bermula RM1,200 sebulan," katanya.

Disiarkan pada: Disember 17, 2021 @ 3:35pm